

KAJIAN TABURAN PARAMETER FIZIKAL AIR LAUT DI HADAPAN MUARA
SUNGAI TERENGGANU

RAMIZU BIN IBRAHIM

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

1994

**KAJIAN TABURAN PARAMETER FIZIKAL AIR LAUT DI HADAPAN MUARA
SUNGAI TERENGGANU**

OLEH

RAMIZU BIN IBRAHIM

**Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan**

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1994**

1100023777

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ALLAH Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan laporan projek ini dengan jayanya walaupun masih terdapat beberapa kelemahan.yang perlu diperbaiki.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada Dr Mohd Nasir Bin Saadon selaku penyelia utama kerana banyak memberi tunjukajar, bimbingan dan teguran yang bermanfaat. Tak lupa juga kepada Dr Noor Azhar yang bermurah hati membenarkan saya menggunakan alatan makmal beliau. di samping sokongan moral yang diberikan. Tak lupa juga kepada ketua jabatan Dr lokman bin Husein yang banyak memberi teguran dan tunjuk-ajar selama berada di U.P.M.C.T. Kepada Sulaiman (Man Grab), Kapten Rahman, kakitangan bot dan kawan-kawan yang sudi mabuk bersama-sama terutama, Suhaimi, Norazalin dan Mahasan yang banyak memberi bantuan dalam menyiapkan projek ini.

Teristimewa kepada ayahanda dan bonda kerana dengan berkat doa dan restu mereka dapat saya menempuhi cabaran dengan tabah selama tujuh tahun pengajian di U.P.M. Wassalam.

RAMIZU BIN IBRAHIM (B Sc Fisheries)

ABSTRAK

Kajian dilakukan di laut di hadapan muara sungai Terengganu untuk melihat perubahan terhadap beberapa parameter fizikal ketika musim tengkujuh berbanding dengan musim sebelum tengkujuh.

Didapati julat saliniti pada musim tengkujuh di antara 7.1 ppt hingga 33.5 ppt dengan nilai purata 32.08 ppt. Musim sebelumnya berjulat di antara 20.4 ppt hingga 34.2 ppt dengan nilai purata 32.32 ppt. Suhu bagi musim tengkujuh pula berjulat 27.34°C hingga 28.91°C dengan nilai purata 28.21°C. Pada musim sebelumnya pula suhu berjulat di antara 28.39°C hingga 30.11°C dengan nilai purata 29.78°C. Oksigen terlarut pada musim tengkujuh berjulat 5.34 mg/l hingga 6.41 mg/l dengan nilai purata 6.12 mg/l, untuk musim sebelum tengkujuh oksigen terlarut berjulat di antara 5.01 mg/l hingga 6.96 mg/l dengan nilai purata 5.59 mg/l, julat pH bagi musim tengkujuh adalah di antara 7.71 hingga 8.11 dengan nilai purata 8.10 manakala pada musim sebelum tengkujuh julat pH di antara 7.63 hingga 8.01, dengan nilai purata 7.93. Bagi konduktiviti, sebelum tengkujuh julat adalah di antara 35.1 mS/cm hingga 52.7 mS/cm dengan nilai purata 49.53 mS/cm, pada musim tengkujuh pula julatnya adalah di antara 11.8 mS/cm hingga 50.9 mS/cm dengan nilai purata 49.1 mS/cm.

ABSTRACT

The study was conducted in the sea in front of the estuarine of Terengganu river. The study is to see differences of physical parameters during the raining season and the non-raining season.

During the raining season salinity ranges between 7.1 ppt to 33.5 ppt with a mean of 32.08 ppt, while during the non-raining season salinity ranges between 20.4 ppt to 34.2 ppt with a mean of 32.32 ppt. Temperature during the raining season ranges between 27.34°C to 28.91°C with a mean of 28.21°C while temperature during non-raining season ranges from 28.39°C to 30.11°C with a mean of 29.78°C. Dissolve oxygen during raining season ranges from 5.34 mg/l to 6.41 mg/l with a mean of 6.12 mg/l and the range of dissolve oxygen during non-raining season is 5.01 mg/l to 6.69 mg/l with a mean of 5.59 mg/l. For pH, during raining season, pH ranges from 7.71 to 8.11 with a mean of 8.10. While during non-raining season pH ranges from 7.63 to 8.01 with a mean of 7.93. Conductivity ranges from 35.1 mS/cm to 52.7 mS/cm with a mean of 49.1 mS/cm in non-raining season while during the raining season conductivity ranges from 11.8 mS/cm to 50.9 mS/cm with a mean value 49.1 mS/cm.